



Headline: Panduan keselamatan perbankan Internet
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 4 June 2019

Language: Malay
Section: Mega
Page: 30

Panduan keselamatan perbankan Internet

DAHULU perkhidmatan perbankan bukanlah satu perkhidmatan yang mudah kerana memerlukan seseorang secara fizikal pergi ke bank dan melakukan pelbagai aktiviti transaksi kewangan di sana. Kini, aktiviti transaksi kewangan boleh dilakukan secara mudah di hujung jari.

Namun, mudahnya penyediaan perkhidmatan perbankan Internet ini sudah tentu risikonya lebih tinggi.

Risiko maklumat identiti dan akaun bank seseorang boleh dikompromi sekiranya perkhidmatan ini tidak digunakan dengan selamat.

Tutorial ICT

Bersama **FIRKHAN**

sembangict@yahoo.com



Terdapat beberapa panduan keselamatan yang dibincangkan seterusnya perlu diambil perhatian dan prihatin bagi setiap pemegang akaun perbankan Internet.

1. Penggunaan kata laluan yang kental dan selamat dengan kombinasi pelbagai jenis aksara melebihi lapan aksara. Tukar kata laluan yang digunakan sekurang-kurangnya empat bulan sekali

atau diperlukan.

2. Penggunaan fungsi dua faktor pengesahan bagi kemasukan ke akaun perbankan untuk tahap keselamatan yang lebih baik.

3. Elakkan penggunaan kemudahan rangkaian WiFi awam untuk tujuan aktiviti perkhidmatan perbankan Internet. Lebih selamat menggunakan kemudahan Internet untuk perbankan di kediaman sendiri atau tempat yang tertutup, tidak di tempat awam. Sekiranya perlu, boleh menggunakan perkhidmatan rangkaian maya peribadi atau VPN (*Virtual Private Network*).

4. Elakkan penggunaan kemasukan ke dalam akaun perbankan Internet secara automatik.

Log masuk secara automatik membolehkan pelayar web menyimpan maklumat kata nama dan kata laluan. Perkara ini tidak selamat dan sekiranya boleh nyahaktifkan fungsi ini pada komputer atau telefon pintar yang digunakan.

5. Sekiranya menggunakan perkhidmatan perbankan Internet menggunakan telefon pintar atau tablet, pastikan memuat turun aplikasi perbankan mudah alih menerusi laman web atau

yang disediakan oleh pihak bank.

6. Sentiasa mengemas kini keselamatan sistem bagi komputer atau peralatan mudah alih yang digunakan.

7. Daftar untuk makluman atau notifikasi dari pihak bank dan sentiasa menyemak penyata akaun bank yang digunakan.

8. Pastikan keselamatan fizikal bagi komputer riba atau peralatan mudah alih yang digunakan dipertingkatkan.

Selamat menggunakan perkhidmatan perbankan Internet dan mudah alih dengan betul dan selamat.